

Mahathir: Kekalkan keutuhan

'Masyarakat akan hancur tanpa perpaduan kaum'

KELANG, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan perlunya masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa membendung perasaan perkauman dan emosional bagi mengekalkan keutuhan dan kestabilan negara.

Katanya, jika rakyat tidak sanggup berbuat demikian, negara ini tetap akan hancur sebagaimana yang pernah diramalkan oleh pihak British semasa menyerah kemerdekaan kepada Malaya ketika itu.

Menurut beliau, Kerajaan British tidak yakin terhadap keutuhan dan kestabilan negara ini dan meramalkan kemungkinan hancur suatu hari kerana Malaysia

sebuah negara yang begitu kompleks dengan penduduknya berbilang bangsa dan agama.

Berucap merasmikan kursus sivik sehari di Dewan Hamzah, di sini hari ini, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, kemerdekaan yang dicapai itu adalah disebabkan rakyat negara ini menyedari dan memahami peranan serta tanggungjawabnya terhadap tanah air sendiri.

Lebih 1,000 orang peserta kebanyakannya ahli-ahli UMNO dari kawasan Shah Alam dan Pelabuhan Kelang hadir dalam kursus anjuran Jabatan Penerangan Negeri Selangor itu.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan, keutuhan dan kestabilan negara dalam semua bidang sekarang adalah disebabkan wujudnya persahabatan dan hubungan baik di kalangan rakyat berbilang bangsa.

"Kalau kita lakukan apa yang difikirkan oleh pihak British akan hancurlah negara ini dan sebab itu juga perlunya kita semua membendung perasaan perkauman," ujar beliau.

Tegasnya, kedudukan ekonomi negara yang kukuh hari ini adalah juga disebabkan rakyat Malaysia semakin menyedari dan memahami kedudukan masyarakat yang berbilang bangsa.

Dato Seri Dr. Mahathir sukacita, para pemimpin politik di Malaysia sudah dapat membendung perasaan demi kepentingan negara dan rakyat seluruhnya.

"Kita tahu keseluruhannya kita tidak mudah tertakluk kepada perasaan dan emosional, kita perlu membendung perasaan perkauman," ujarnya lagi.

Beliau memberi jaminan bahawa setiap rakyat tanpa mengira bangsa dan agama yang menumpukan penuh taat setia akan mendapat tempat di negara ini.

Menurut beliau, para pemimpin politik negara sedar bahawa selagi jurang ekonomi dan pembangunan sesuatu kaum tidak diseimbangkan kestabilan negara ini akan terancam.

Bersetuju

Oleh itu, tambahna, mereka bersetuju atas langkah dan dasar Kerajaan mengadakan peruntukan bagi membantu Bumiputera dalam semua bidang.

Bagaimanapun, katanya, segala peruntukan dan bantuan tersebut tidak akan bermakna, jika Bumiputera sendiri tidak berusaha melengkapkan diri dengan berbagai ilmu untuk mencapai kejayaan.

Dalam hubungan ini, Dato Seri Dr. Mahathir menafikan dakwaan setengah pihak bahawa Kerajaan cuma menumpukan kepada kebebasan dan tidak kerohanian.

Tegasnya, Kerajaan memberi pandangan yang seimbang kepada pembangunan rohani dan jaamani.

Dato Seri Dr. Mahathir tidak mahu kursus-kursus sivik seperti itu dijadikan satu forum untuk mengeluarkan perasaan tidak puas hati terhadap orang lain atau Kerajaan.

Tegasnya, kursus seumpama itu akan lebih berjaya jika ia berhasi dalam usaha menyedarkan masyarakat terhadap peranan mereka kepada negara, di samping menelaah mengenai pergolakan dalam negara sekarang.

"Kursus sivik ini mempunyai makna besar kalau seseorang itu datang dengan hati terbuka dan sanggup mendengar dan menerima, tetapi jika datang dengan hati tertutup, ia tak memberi makna langsung," ujarnya lagi.

Katanya, cara ini tidak berkesan dalam usaha kita membentuk masyarakat Bumiputera yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam sebarang bidang dengan masyarakat lain.